Lim Foo Bing lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — RAYUAN JENAYAH NO A-06B–17 TAHUN 2006
MOHD AZMAN HUSIN PK
3 SEPTEMBER 2006

Undang-Undang Jenayah — Akta Pencegahan Rasuah (Malaysia) — s 11(b) — Anggapan undang-undang — Memberi suapan kepada egen kerajaan sebagai dorongan — Penjelasan perayu ia adalah untuk bayaran kompaun — Sama ada boleh diterima

Dalam kes ini perayu/tertuduh dituduh di Mahkamah Sesyen Ipoh atas pertuduhan memberi wang suapan RM500 kepada seorang ejen kerajaan Malaysia yang bertugas di IPD Ipoh, sebagai dorongan supaya tidak diambil tindakan ke atas tertuduh kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan dengan demikian telah melakukan satu kesalahan di bawah s 11(b) Akta Pencegah Rasuah 1997 ('APR') dan boleh dihukum di bawah s 16 APR. Pada hari kejadian anggota-anggota dari Cawangan Tatatertib IPD Ipoh membuat pemeriksaan bersama pasukan Badan Pencegah Rasuah ('BPR') dipremis perayu dan mendapati seorang warganegara asing yang tidak mempunyai pasport dan permit kerja. Kes perayu ialah apabila diberitahu dia telah melakukan satu kesalahan dan kesalahan itu boleh dikenakan denda, perayu bertanya berapakah denda? Salah seorang anggota pasukan tersebut tunjukkan lima jari tangan kirinya. Perayu beranggapan denda itu RM500. Dengan itu wang RM500 yang diberikan oleh Perayu kepada SP3 bukan untuk tujuan rasuah sebaliknya untuk bayaran kompaun.

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

(1) Anggapan di bawah s 42(1) Akta Pencegah Rasuah 1997 ('APR') terpakai dalam semua keadaan kes seperti yang diperuntukkan oleh s 11 APR. Perayu mempunyai beban untuk menyangkal anggapan tersebut (*Public Prosecutor v Ku Yahya* [1999] MLJU 731) (lihat perenggan 13(i)–(ii)).

(2) Penjelasan Perayu bahawa wang itu diberi untuk bayar denda atau kompaun atau 'okong' tak lojik dan tak boleh diterima. Pihak imigresen atau pihak polis setakat hari ini belum mengenakan kompaun 'on the spot'. Mereka memberi masa kepada pesalah membayar kompaun untuk kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun. Fakta ini juga tidak dicadangkan kepada saksi-saksi pendakwa (lihat perenggan 13(iii)).

[English summary

In this case the appellant/accused was charged in Ipoh Sessions Court with offering RM500 to an agent of the Malaysian government who works in IPD Ipoh, as an

inducement from taking action against the accused as a result of committing an offence under the Immigration Act 1959/63 and as a result committed an offence under s 11(b) Anti-Corruption Act 1997 ('ACA') punishable under s 16 of ACA. On the said day in question, members from the Disciplinary Branch of the IPD in Ipoh conducted an investigation together with members from the Anti-Corruption Agency at the appellant's premises and found a foreign employee without a passport or work permit. The appellant's case was that when he was informed that he had committed a crime and that it is punishable with a fine, the appellant asked how much the fine was. One of the members of the said team showed him five fingers from his left hand. The appellant thought that the fine was RM500. Hence, the RM500 was paid by the appellant to SP3 not for the purpose of bribery but for the compoundable offence of a fine.

Held, dismissing the appeal:

(1) The presumption under s 42(1) Anti-Corruption Act 1997 is applicable in all circumstances of cases as provided for under s 11 of the ACA. The appellant has the burden of rebutting the presumption (*Public Prosecutor v Ku Yahya* [1999] MLJU 731) (see para 13(i) & (ii)).

(2) The explanation by the appellant that the money was given to pay the fine or compound or 'okong' is not logical and cannot be accepted. Until today, the immigration and the police has not imposed 'on the spot' compound. They give time to the wrongdoer to pay the compound for compoundable offences. This fact has also not been suggested to the prosecution's witnesses (see para 13(iii)).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rasuah, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 83.

Kes-kes yang dirujuk

Mohamad Radhi Yaakob v PP [1991] 2 MLJ 169 (dirujuk)
PP v Ku Yahya [2002] 1 CLJ 113 (diikut)
PP v Attan [1970] 2 MLJ 143 (dirujuk)
PP v Ku Yahya & Anor [1999] MLJU 731 (diikut)
PP v Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89 (dirujuk)
Thavanathan Balasubramaniam v PP [1997] 2 MLJ 401 (diikut)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 213 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Imigresen 1959/63 s 56(1)(d)
Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Akta Pencegah Rasuah 1997 ss 11(b), 16, 42(1)

Kerpal Singh (Jagjit Kerpal & Shakthi) bagi pihak perayu.
Mohd Ilmami Hj Ahmad (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak responden.

Mohd Azman Husin PK:

[1] Dalam kes ini, perayu/tertuduh dituduh di Mahkamah Sesyen Ipoh atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 24 Julai 2002, lebih kurang jam 7.05 malam di No 9A, Colour Way Trading, Jalan Leach, Ipoh, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak, telah memberi wang suapan RM500 kepada seorang ejen kerajaan Malaysia iaitu Kpl Ahmad Tarmizi bin Zaini yang bertugas di IPD Ipoh, sebagai dorongan untuk beliau melakukan suatu perbuatan yang bertentangan dengan hal ehwal pejabatnya, iaitu PDRM, iaitu supaya tidak diambil tindakan ke atas kamu kerana melakukan kesalahan melindungi seorang pekerja asing bernama Abdul Manan bin Mohd Ismail iaitu satu kesalahan di bawah s 56(1)(d) Akta Imigresen 1959/63 dan dengan demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 11(b) Akta Pencegah Rasuah 1997 (Undang-undang Malaysia Akta 575) dan boleh dihukum di bawah s 16 akta yang sama.

[2] Pihak pendakwa raya/responden memanggil tujuh orang saksi:

(1) Pegawai BPR Encik Shamsul Lokeman bin Ahmad Suffian;

(2) C/Inspektor Loh Tuck Kin;

(3) Kpl 82196 Ahmad Tarmizi bin Zaini;

(4) Pegawai BPR Mohd Firdauz bin Idris;

(5) Kpl 75821 Rosli bin Alias;

(6) PIM Mohamad Mokhtar bin Abdullah; dan

(7) Pegawai BPR Anuar bin Mohd Nor.

FAKTAR KES PENDAKWAAN/RESPONDEN

[3] Pada 24 Julai 2002, SP2 dan anggotanya dari Cawangan Tatatertib IPD Ipoh membuat pemeriksaan bersama pasukan BPR di premis perayu di Colour Way Trading No 9A, Jalan Leach, Ipoh. SP2 nampak seorang lelaki Bangladesh sedang menjahit pakaian. SP2 meminta passport dan pengenalan diri daripada lelaki itu. Dia jawab tiada. SP2 mengarahkannya memanggil majikan. Majikannya datang iaitu perayu/tertuduh. Perayu memberitahu SP2 bahawa lelaki itu tidak ada passport dan dia hanya datang membantu perayu. SP2 memberitahu perayu bahawa sekiranya lelaki itu tiada passport dan tiada permit kerja maka lelaki itu melakukan satu kesalahan di bawah Akta Imigresen dan perayu juga sendiri melakukan kesalahan menggaji pekerja tanpa sebarang dokumen yang sah. Perayu meminta SP2 menolongnya. SP2 memberitahu perayu bahawa dia tidak dapat membantunya dan SP2 mengarahkan SP3 menggari lelaki Bangladesh itu. SP2 melihat perayu berbisik dengan SP3 dan perayu membawa SP3 ke pejabatnya dengan diikuti oleh SP4 Encik Khairul Apendi pegawai BPR. Selepas itu, SP3 memberitahu SP2 bahawa beliau telah menangkap perayu kerana telah memberi rasuah kepadanya sebanyak RM500 supaya tindakan tidak diambil ke atasnya dan pekerjanya itu. Empat orang saksi ditawarkan kepada perayu/tertuduh:

(1) Khairul Apendi bin Isnin;

(2) Hamidah bte Aziz;

(3) Adnan bin Halib; dan

(4) Chong Lian Moi (P).

PENDAPAT PUAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN DAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[4] Puan hakim mahkamah sesyen memutuskan bahawa responden/pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu/tertuduh. Pendakwaan telah membuktikan tiga intipati di bawah s 11(b) Akta Pencegah Rasuah 1997 iaitu:

(1) perayu/tertuduh telah memberi suapan sebanyak RM500 kepada SP3;

(2) SP3 adalah seorang agen kerajaan Malaysia;

(3) wang suapan itu diberi secara rasuah. Lebih-lebih lagi anggapan di bawah s 42(1) akta yang sama terpakai. Andai kata jika anggapan tidak digunakan sekalipun suatu kes prima facie telah dibuktikan oleh responden/pendakwa.

KES PEMBELAAN

[5] Perayu/tertuduh memilih memberi keterangan bersumpah. Beliau mengemukakan seorang saksi sahaja SD1 iaitu perayu/tertuduh sendiri sahaja.

[6] Menurut perayu/tertuduh lelaki Bangladesh itu adalah seorang pekerjanya yang tidak tetap. Pada hari kejadian, SP2 memberitahunya bahawa dia telah melakukan kesalahan melindungi pendatang asing tanpa izin (PATI). Selepas itu, dia (perayu) masuk ke pejabatnya untuk membuat panggilan telefon supaya keluarganya bersedia jika dia ditangkap. Kemudian SP3 dan SP4 masuk ke pejabatnya dan mengatakan dia telah melakukan satu kesalahan dan kesalahan itu boleh dikenakan denda. Perayu/tertuduh bertanya berapakah denda? SP3 tunjukkannya lima jari tangan kirinya. Perayu/tertuduh beranggapan denda itu RM500. Perayu/tertuduh kemudiannnya mengarahkan isterinya mendapatkan wang untuk diserahkan kepada SP3 dan SP4.

KEPUTUSAN MAHKAMAH SESYEN DI AKHIR KES PEMBELAAN

[7] Puan hakim mahkamah sesyen berpendapat bahawa pendakwaan berjaya membuktikan kes (prima facie) melampaui keraguan yang munasabah. pembelaan gagal menyangkal anggapan di bawah s 42(1) Akta Pencegah Rasuah 1997 atas imbangan kebarangkalian bahawa wang itu bukan diberi secara rasuah seperti yang diputuskan oleh kes *Thavanathan Balasubramaniam v Public Prosecutor* [1997] 2 MLJ 401 dan *Public Prosecutor v Ku Yahya & Anor* [1999] MLJU 731.

PENGHUJAHAN PEGUAM PERAYU DI PERINGKAT RAYUAN

[8] Peguam perayu/tertuduh mengemukakan penghujahan bertulis lampiran 14. Beliau menghujahkan bahawa:

(1) Cawangan Tatatertib IPD, Ipoh tidak tahu siasat kes-kes jenayah.

(2) RM500 yang diberikan oleh Perayu kepada SP3 bukan untuk tujuan rasuah sebaliknya untuk bayaran kompaun (hukum). Keputusan kes Mahkamah Agung *Mohamad Radhi Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 169 mengenai pembelaan memihak kepada perayu.

PENGHUJAHAN RESPONDEN

[9] Timbalan Pendakwa Raya yang mewakili responden juga mengemukakan penghujahan lampiran 15. Berdasarkan kepada petisyen-petisyen rayuan perayu, beliau menghujahkan:

(1) Puan hakim mahkamah sesyen membuat keputusan yang betul bahawa perayu gagal menyangkal anggapan di bawah s 42(1) Akta Pencegah Rasuah 1997 bahawa wang RM500 yang diberi oleh perayu kepada SP3 bukan tujuan rasuah. Ketiga-tiga intipati yang perlu seperti yang diputuskan oleh puan hakim mahkamah sesyen telah dibuktikan oleh responden.

(2) Anggapan di bawah s 42(1) Akta Pencegah Rasuah 1997 terpakai dalam semua keadaan kes seperti yang diperuntukkan oleh s 11 Akta yang sama.

(3) Perayu mempunyai beban untuk menyangkal anggapan di bawah s 42(1) Akta Pencegah Rasuah 1997 seperti yang diputuskan oleh kes-kes *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 (kes Privy Council), kes Mahkamah Tinggi *Attan v Public Prosecutor* [1970] 2 MLJ 143, kes Mahkamah Agung *Thavanathan Balasubramaniam v Public Prosecutor* [1997] 2 MLJ 401 dan kes Mahkamah Rayuan *Public Prosecutor v Ku Yahya* [2002] 1 CLJ 113.

(4) RM500 yang diberikan oleh perayu kepada SP3 adalah untuk tujuan rasuah dan bukan untuk kompaun. Puan hakim mahkamah sesyen berpendapat pembelaan perayu yang duit itu untuk kompaun tidak munasabah dan merupakan 'afterthought'. Perayu tahu lelaki Bangladesh pekerjaannya itu tidak mempunyai dokumen yang sah ketika itu dan perayu sanggup membayar rasuah RM500 supaya tindakan tidak diambil terhadapnya dan terhadap pekerjanya itu.

(5) Puan hakim mahkamah sesyen betul membuat 'finding' bahawa perayu memanggil SP3 masuk ke pejabatnya untuk berbincang yang menunjukkan motif perayu seperti memberi rasuah kepada SP3.

(6) wang rasuah yang diberikan oleh perayu kepada SP3 untuk tujuan rasuah bukan untuk tujuan 'okong' atau denda. Ini kerana peguam perayu tidak pernah mencadangkan fakta ini kepada saksi-saksi pendakwa seperti yang diputuskan oleh kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 213 yang memutuskan 'failure to cross examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance'.

(7) Puan hakim mahkamah sesyen telah mengambil kira penjelasan perayu bahawa bayaran yang dibuat selepas perayu bertanya 'okong' berapa? dan SP3 telah membuka genggamannya. Perayu bertanya RM500? dan SP3 mengangguk. Perayu memanggil isterinya Chong Lian Moi dan meminta beliau mengambil duit dari rumah bagi tujuan wang dikehendaki. Keterangan SP3 dan SP4 tetap kukuh walau pun digugat dalam pemeriksaan balas oleh peguam perayu.

(8) Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak boleh dipakai dalam kes ini kerana kegagalan responden/pendakwaan memanggil isteri perayu Chong Lian Moi sebagai saksi. Saksi ini telah ditawarkan kepada perayu/pembelaan. Malangnya perayu tidak menggunakannya semasa pembelaan.

(9) Meskipun SP4 adalah seorang saksi yang berkepentingan, namun keterangan beliau telah disokong oleh saksi-saksi lain iaitu SP1, SP2, SP3, SP7 dan keterangan dokumen eksh P3, P4 A-J dan P5.

(10) Keterangan SP3 dan SP4 adalah boleh dipercayai. Keterangan mereka selari dan kredibiliti mereka tidak dapat digoncangkan oleh perayu/tertuduh.

(11) Pasukan serbuan berada lama di premis perayu kerana isteri perayu Chong Lian Moi balik ke rumah untuk mengambil wang.

(12) Puan hakim mahkamah sesyen tepat dalam membuat keputusan bahawa kompaun hanya boleh dibayar di pejabat imigresen pada waktu kerja dan selepas saman dikeluarkan. la adalah suatu 'judicial notice'.

(13) Perayu tahu pekerjanya itu tidak ada passport dan permit kerja yang sah. Oleh itu puan hakim mahkamah sesyen adalah dalam arah dan hala tuju yang betul semasa membuat 'finding of fact' dan 'finding of law'.

(14) Pasukan serbuan tidak mempunyai motif jahat apabila menggari pekerja perayu itu dan tidak menggari perayu sendiri ketika itu. perayu hanya ditangkap selepas dia memberikan wang rasuah kepada SP3.

JAWAPAN PEGUAM PERAYU

(1) Perayu bersetuju bahawa puan hakim mahkamah sesyen betul membuat keputusan suatu kes prima facie telah dibuktikan iaitu wang RM500 diberikan oleh perayu kepada SP3. Anggapan s 42 Akta Pencegah Rasuah 1997 timbul. Namun anggapan itu dipatahkan oleh perayu dalam pembelaannya. 'Okong' seperti yang difahami oleh perayu adalah denda. Oleh itu denda RM500 itu dibayar dan bukan untuk merasuahkan SP3. Ini disokong oleh tindakan isteri perayu pulang ke rumah mengambil wang.

(2) Lelaki Bangladesh itu bekerja di tempat lain. Dia bekerja di premis perayu sebagai kerja sampingan.

(3) Kompaun boleh dibayar kepada pegawai beruniform pada ketika kesalahan dikeluarkan.

PENDAPAT MAHKAMAH

[10] Keterangan adalah mencukupi untuk memanggil perayu membela diri. Intipati pertuduhan telah dibuktikan oleh responden/pendakwaan iaitu:

(a) Perayu memberi wang suapan RM500 kepada SP3.

(b) SP3 adalah seorang penjawat awam.

(c) Wang itu diberi secara rasuah supaya SP3 tidak mengambil tindakan terhadap perayu kerana melindungi pekerja asing yang tidak mempunyai dokumen atau permit kerja yang sah.

[11] Oleh itu suatu kes prima facie telah dibuktikan dan anggapan bawah s 42(1) Akta Pencegah Rasuah 1997 timbul.

[12] Pihak merayu tidak mempertikaikan bahawa satu kes prima facie telah dibuktikan terhadap perayu. Anggapan bawah s 42(1) Akta Pencegah Rasuah 1997 timbul. terpakai. Yang dipertikaikan ialah anggapan itu berjaya dipatahkan oleh perayu semasa memberi pembelaan.

[13] Mahkamah bersetuju dengan pendapat puan hakim mahkamah sesyen bahawa perayu gagal menyangkal atau mematahkan anggapan dan kes prima facie yang dibuktikan oleh responden/pendakwaan. Mahkamah berpuashati bahawa:

(i) Wang itu diberi secara rasuah. Keputusan kes *Thavanathan Balasubramaniam v Public Prosecutor* diikuti. perayu gagal menyangkal anggapan di bawah s 42(1) Akta Pencegah Rasuah 1997.

(ii) Beban adalah atas perayu untuk menyangkal anggapan tersebut seperti yang diputuskan oleh kes *PP v Ku Yahya & Anor*.

(iii) Penjelasan perayu bahawa wang itu diberi untuk bayar denda atau kompaun atau 'okong' tak lojik dan tak boleh diterima. Pihak imigresen atau pihak polis setakat hari ini belum mengenakan kompaun 'on the spot'. Mereka memberi masa kepada pesalah membayar kompaun untuk kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun. Fakta ini juga tidak dicadangkan kepada saksi-saksi pendakwa. 'Failure to cross examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance', seperti yang dinyatakan oleh kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* terpakai.

(iv) Dakwaan bahawa permit kerja pekerja Bangladesh disimpan oleh majikannya di Gunung Rapat tidak dimaklumkan kepada SP2 atau kepada pegawai imigresen sebelum kompaun dibayar kepada jabatan imigresen. Ini bererti pembelaan itu adalah rekaan perayu.

(v) Perayu memberitahu pasukan serbuan bahawa pekerja Bangladesh itu tiada permit kerja atau passport.

(vi) Pernyataan bahawa perayu adalah mangsa keadaan tidak boleh diterima.

(vii) Fakta bahawa perayu memberi wang kepada SP3 seorang penjawat awam adalah secara rasuah untuk membolehkannya tidak diambil tindakan melindungi warga negara asing adalah kekal.

(viii) Terdapat sedikit percanggahan keterangan saksi pendakwa. Namun percanggahan itu tidak material.

[14] Keputusan puan hakim mahkamah sesyen adalah menurut peruntukan undang-undang kerana kes prima facie melampaui keraguan yang munasabah yang dibuktikan oleh responden/pendakwaan gagal disangkal oleh perayu atas imbangan kebarangkalian. Mahkamah juga berpendapat hukuman yang dikenakan adalah

munasabah tidak melampau. Oleh itu mahkamah menolak rayuan perayu dan mengekalkan perintah yang dibuat oleh puan hakim mahkamah sesyen.

Rayuan ditolak.

Reported by Sally Kee